



**MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PRESTASI EKONOMI SUKU KETIGA 2019**

Ekonomi Malaysia bagi suku ketiga 2019 telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 4.4% disokong oleh aktiviti domestik yang menggalakkan, terutamanya penggunaan swasta. Kedudukan sektor luar kekal mampan dengan jumlah eksport bersih yang tinggi, membolehkan akaun semasa imbalan pembayaran terus mencatatkan lebihan.

Kerajaan menjangkakan sasaran pertumbuhan ekonomi pada tahun 2019 sebanyak 4.7% boleh dicapai berdasarkan prestasi petunjuk ekonomi utama seperti kadar pertumbuhan Indeks Pelopor (LI) yang menunjukkan momentum pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dan dalam fasa pengembangan bagi tempoh empat hingga enam bulan ke hadapan. *Purchasing Manager's Index* (PMI) untuk sektor pembuatan juga telah meningkat kepada 49.3 mata pada bulan Oktober 2019, iaitu paras tertinggi dalam tempoh 6 bulan.

Keputusan Bank Negara Malaysia untuk menurunkan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 50 mata asas kepada 3.00% telah berkuatkuasa pada 16 November 2019. Langkah ini diambil untuk memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik bagi menyokong pasaran kewangan berfungsi dengan cekap seterusnya menggalakkan aktiviti ekonomi dalam negara.

Justeru, pertumbuhan ekonomi negara akan terus dipacu oleh aktiviti permintaan domestik yang menyumbang lebih 90% kepada KDNK. Pertumbuhan ini akan terus diterajui oleh penggunaan swasta terutamanya aktiviti berkaitan pelancongan domestik dan jualan akhir tahun sempena cuti sekolah.

Memandangkan pertumbuhan ekonomi negara masih berhadapan dengan risiko ketidaktentuan ekonomi dan kewangan global serta sektor berkaitan komoditi, Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan demi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal dalam landasan yang kukuh.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**  
**Menteri Hal Ehwal Ekonomi**

**15 November 2019**